

14/05/1999

Empat buku dilancar sempena lawatan PM

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan Selangor melancarkan empat buah buku sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri itu untuk merasmikan Bangunan Umno Selangor setinggi sembilan tingkat di sini, hari ini.

Buku berkenaan, Koleksi Ucapan Menteri Besar Selangor 1997/1998 Jilid 1, Budaya Murni dan Bersih (Budaya MB): Panduan dan Harapan, Memahami Tonggak 10 Jilid 1 dan Detik...& Kepimpinan Umno Selangor dilancarkan oleh Dr Mahathir selepas perasmian Bangunan Umno Selangor bernilai kira-kira RM25 juta itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata Koleksi Ucapan Menteri Besar Selangor mengandungi 225 ucapan terpilih beliau sejak menjadi Menteri Besar yang menjelaskan wawasan pimpinan negeri.

Beliau berkata, ucapan beliau yang dijilidkan itu turut menekankan manifesto Tonggak 10 yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri dengan memberi keutamaan kepada 10 bidang ekonomi untuk membantu merealisasikan matlamat Selangor maju pada tahun 2005.

Menurutnya, buku Memahami Tonggak 10 pula adalah produk pencernaan beberapa idea dalam bentuk ringan iaitu lakaran yang memudahkan pembaca menerima, menghayati dan melaksanakannya konsep itu manakala Budaya MB pula memaparkan khazanah penulisan yang mengingatkan ahli Umno mengenai pentingnya menanam budaya murni dalam politik.

Katanya, Detik...& Kepimpinan Umno adalah rentetan apa yang berlaku sebelum ini yang amat penting bagi ahli memahami sejarah Umno Selangor.

Turut hadir di majlis perasmian Bangunan Umno dan pelancaran empat buah buku itu adalah bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Ahmad Razali Mohd Ali, Datuk Harun Idris dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Sementara itu, Abu Hassan dalam ucapannya, berkata Umno Selangor akan tetap teguh berdiri dan menyokong kepimpinan Dr Mahathir yang selama ini sudah banyak membantu membebaskan masyarakat dan negara dari cengkaman cabaran ekonomi, kuasa asing, politik dan penjajahan minda.

Beliau berkata, cabaran dan cengkaman itu muncul dalam pelbagai bentuk yang boleh mengelirukan sesiapa saja tetapi berjaya ditangani Perdana Menteri dengan jayanya.

"Kita masih dan amat memerlukan khidmat beliau terutama dalam keadaan ekonomi negara sedang menunjukkan pemulihan," katanya.

(END)